

**PANDUAN PENYUSUNAN DOKUMEN PERMOHONAN
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) TAHUN 2026**

- Semua pemohon Program HLP JPA Tahun 2026 **DIKEHENDAKI** untuk mengemukakan **DOKUMEN PERMOHONAN YANG LENGKAP** yang **DISUSUN** mengikut turutan seperti berikut:

Turutan	Dokumen
1	Borang permohonan dalam talian yang telah dilengkapkan, dicetak dan ditandatangani oleh pemohon . Borang ini juga perlu ditandatangani serta dicop rasmi oleh Ketua Jabatan di ruangan perakuan .
2	Borang Laporan PPSM (JPA(L) LDP 1A/96) yang telah dilengkapkan dan ditandatangani serta dicop rasmi .
3	Salinan Ijazah Pertama / lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan).
4	Salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya berkaitan) (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan).
5	Salinan surat tawaran Ijazah Kedoktoran (bagi pemohon pengajian Ijazah Kedoktoran sahaja yang telah memulakan pengajian);
6	Salinan slip keputusan TOEFL / IELTS bagi permohonan ke Luar Negara (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan).
7	Salinan Surat Akuan Doktor oleh Pegawai Perubatan & Kesihatan berdaftar sekiranya pegawai atau ahli keluarga (yang akan dibawa bersama bagi pegawai yang memohon pengajian di luar negara) menghidap penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan.
8	Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga) (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan).
9	DUA (2) Salinan Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian. Sila pastikan Kertas Cadangan hanya DIKETIP sahaja.
10	Penyataan Ringkas mengenai sumbangan pegawai kepada organisasi bagi permohonan Program HLP Tahun 2026.

- Dokumen-dokumen yang disusun mengikut turutan seperti di atas **HENDAKLAH** disediakan dalam **DUA (2) SET DOKUMEN**.
- Sila **PASTIKAN** bahawa setiap set dokumen tersebut **TIDAK DIKETIP / DIJILID** tetapi hanya **DIKLIP** sahaja.